

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 03 Ogos 2016 16:37
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: CIMB BANK - SEFB ATUR PELBAGAI PLATFORM KERJASAMA



03 OGOS 2016 / 29 SYAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

CIMB BANK - SEFB ATUR PELBAGAI PLATFORM KERJASAMA



ANJUNG TAMU ONLINE: Ruang kerjasama antara CIMB Bank Berhad dengan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan & Perbankan (SEFB) bakal dimanfaatkan menerusi perbincangan yang dikoordinasikan di UUM. Pembabitan kedua belah pihak dalam merealisasikan jaringan kerjasama tersebut secara tidak langsung dapat menonjolkan Discover UUM yang dilihat sebagai nilai tambah melalui lawatan ke UUM Welcome Centre.

Hakikatnya, kunjungan delegasi CIMB Bank yang diketuai oleh Managing Director, Government Relations Consumer Sales & Distribution merangkap Chairman Koperasi Pekerja CIMB Bhd, Rosman Hj. Nordin pada dasarnya bersetuju untuk menjalin kerjasama dalam pelbagai platform mencakupi penyelidikan serta aktiviti bersama.

Beliau yang sangat berpuas hati dengan hospitaliti dan penerangan oleh Welcome Centre berkata,

“Keep up the good work”.

Bahkan, sejajar dengan usaha mempromosikan kampus di rimba hijau, menurut pegawai CIMB Investment, Wong Jia Le pula,

“Very green and natural”.

Mengenai pelbagai fasiliti dan kehijauan kampus yang diserlahkan di Galeri Welcome Centre pula, pegawai CIMB Investment yang turut serta, Sharifah Nuratiya Syed Danial berkata,

“Beautiful Campus”.

“Dengan adanya kerjasama yang kukuh, pelbagai program dapat disusun di samping menggembelng tenaga mempromosikan UUM ke persada antarabangsa”, kata Dekan SEFB Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim yang mengiringi delegasi bersama Pegawai Tabdir SEFB, Hasliza Hassan.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

